

## BAB 2

### PERKEMBANGAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

#### 2.1 Perkembangan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu telah tersebar luas sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu sejak abad yang lalu. Menurut sejarah, Kerajaan Sriwijaya mula-mula memperkenalkan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dan bahasa kerajaan sejak abad yang ke-7 Masihi hingga abad ke-14 Masihi lagi (Wan Salleh Tamin, 1984:226; Teeuw, 1967:5). Bukti kewujudan dan penyebaran luas ini pernah dicatatkan oleh pengembara I Tsing yang telah singgah di Sriwijaya pada tahun 672 Masihi, sewaktu perjalanan dari China ke India.

Kebangkitan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-15 telah memberi nafas baru kepada perkembangan bahasa Melayu selanjutnya. Melaka yang terkenal dengan pusat perniagaan untuk kawasan Kepulauan Melayu dan menguasai lalu lintas Selat Melaka juga termasyhur sebagai pusat pengembangan dan penyebaran agama Islam. Perkembangan agama Islam telah membawa pengaruh dan perubahan yang ketara terhadap

bahasa Melayu waktu itu. Kesan pengaruh ini jelas dapat dilihat melalui sistem tulisan yang baru sama sekali iaitu dalam bentuk tulisan jawi yang merupakan penyesuaian huruf-huruf Arab ke Bahasa Melayu.

Pada zaman kegemilangan Melaka, banyak karya daripada bahasa Arab telah diterjemahkan atau disadurkan ke dalam bahasa Melayu, antaranya Hikayat Muhamad Ali Hanafiah, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Iskandar Zulkarnain. Pada zaman itu jugalah tradisi persuratan telah berkembang sehingga bukti-bukti perkembangan bahasa Melayu lebih ketara. Selain terdapat beberapa kitab terjemahan dalam bahasa Melayu, beberapa naskah undang-undang Melayu lama telah ditulis dalam bahasa Melayu.

Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, persada keagungan bahasa Melayu telah berpindah pula ke Aceh. Kejatuhan kerajaan Melaka telah memberi ruang kepada Aceh berperanan sebagai pusat perkembangan tamadun, khususnya bahasa, kebudayaan dan kesusastraan Melayu di Nusantara.

Selepas kemerosotan kerajaan Aceh, pusat kegemilangan Melayu telah berpindah pula ke Johor-Riau

pada sekitar tahun 1608 Masihi dengan membawa sekali kegemilangan bahasa Melayu waktu itu. Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam semua bidang ilmu meliputi keagamaan, kebudayaan, kesusasteraan, ekonomi dan juga politik.

Penghasilan karya-karya berbahasa Melayu seperti Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah pada abad ke-17, serta kitab-kitab Tuhfat al-Nafis dan Salasilah Melayu dan Bugis karya Raja Ali Haji pada abad ke-19 Masihi, membuktikan gambaran mengenai perkembangan dan keagungan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kegemilangan ini berakhir pada tahun 1913 setelah kerajaan Johor-Riau ditakluki oleh Belanda (Wan Salleh Tamin, 1984:231).

Kesimpulannya, sesudah kerajaan Sriwijaya runtuh pada abad ke-14, tradisi kegemilangan bahasa Melayu telah dilanjutkan oleh beberapa kerajaan Melayu (Islam) di Nusantara. Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa rasmi oleh kerajaan-kerajaan Melayu Islam yang baru ditubuhkan itu. Bahasa Melayu, semenjak berpusat di Kerajaan Melayu Melaka, kemudian berpindah ke Aceh dan seterusnya ke Johor-Riau, telah mendapat pengiktirafan dan mencapai kegemilangan dan

masing-masing terkenal dengan sebutan Bahasa Melayu Melaka kemudian Bahasa Melayu Aceh dan akhirnya Bahasa Melayu Johor-Riau.

Jelaslah bahawa perkembangan bahasa Melayu sejak awalnya berfungsi sebagai bahasa etnik Melayu, kemudian sebagai bahasa perdagangan dan pergaulan antara etnik, seterusnya memasuki fungsinya sebagai bahasa rasmi beberapa kerajaan Melayu, akhirnya menjadi bahasa dominan di Asia Tenggara (ibid:232).

## **2.2 Perkembangan Bahasa Melayu Sebelum Merdeka**

Orang-orang Melayu telah lama berusaha membina tamadun bahasanya akibat kesedaran dan kebangkitan politik (Ferguson, 1968:28). Perkembangan bahasa Melayu moden seperti yang dituturkan sekarang bermula sejak tahun 1900 hingga 1942 lagi. Ini dibuktikan melalui kewujudan surat khabar Melayu dalam tempoh tersebut. Sesungguhnya minat terhadap bahasa Melayu telah ditunjukkan oleh sesetengah orang Melayu sejak abad yang lalu lagi, namun kesedaran dalam erti kata sebenarnya dan dinamis tidak begitu terserlah sebelum perang dunia kedua (Mohd Taib Osman; 1983:17). Kesedaran terhadap perkembangan bahasa Melayu di

Malaya dengan secara dinamis cuma dapat dilihat dalam masa lepas perang tersebut (*ibid* : 18).

Zaman sebelum merdeka seterusnya memperlihatkan cengkaman kuasa penjajah Inggeris bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga bahasa, kesan daripada pelaksanaan dasar pemisahan etnik mengikut daerah geografi. Oleh sebab kedudukan yang begitu terpisah, maka timbul kesedaran di kalangan masyarakat, terutama kaum bumiputera Melayu terhadap peri pentingnya perpaduan dan identiti negara (Abdullah Hassan, 1989a:15) khususnya menerusi satu bahasa. Justeru, penutur-penutur asli bahasa Melayu terus berjuang untuk menghidupkan kembali bahasa tersebut walaupun kedudukannya disaingi oleh bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Cina dan Tamil.

Sejarah telah membuktikan bahawa tradisi kekuahan bahasa Melayu telah pun bermula sejak zaman kerajaan Johor-Riau lagi. Malah bahasa Melayu telah berjaya dalam perjuangan politik Indonesia apabila bahasa ini didaulatkan dalam ikrar Sumpah Pemuda pada tahun 1928 sebagai bahasa politik dan bahasa perjuangan untuk menuntut kemerdekaan Indonesia. Kejayaan Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun

1945 memberikan semangat baru bagi orang Melayu di Semenanjung. Kemunculan Balai Pustaka dan Angkatan Pujangga Baru mempelopori semangat membangunkan masyarakat dan negara dengan slogan nasionalisme, patriotisme dan sosialisme menerusi bahasa dan tulisan mereka (Fatini Yaacob, 1987:6).

Semangat perjuangan tersebut sampai ke Tanah Melayu dan mempengaruhi masyarakat Tanah Melayu dari segi politik, bahasa dan kesusastraan. Persatuan ASAS 50, pelajar-pelajar lepasan sekolah Inggeris yang sedar, pelajar-pelajar dan bekas pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim, golongan berpendidikan Timur Tengah dan tokoh-tokoh politik mendapat semangat baru dan bergabung memberikan tentangan terhadap British. Mereka menyuarakan rasa tidak puas hati tentang kedudukan bahasa dan kebudayaan Melayu dan kemudian beralih kepada persoalan kemunduran ekonomi orang-orang Melayu. Di samping itu disuarakan juga tentang idea mewujudkan sebuah universiti Melayu untuk kepentingan ekonomi Melayu yang ditindas oleh Inggeris (ibid : 6).

Demikian juga, kedudukan bahasa Melayu di dalam sistem pelajaran Persekutuan Tanah Melayu sebelum

merdeka adalah masih rendah dibandingkan dengan bahasa Inggeris (juga bahasa Mandarin yang pada masa itu telah digunakan dalam pelajaran menengah dan tinggi). Walaupun bahasa Melayu pernah mencapai zaman gemilang pada masa lampau, tetapi keadaannya kemudiannya menjadi terbiar (Abdullah Hassan, 1989 : 54). Sebenarnya bahasa Melayu memang terus digunakan sebagai bahasa akademik untuk mengungkapkan idea dan konsep di dalam bidang agama (Islam), tetapi pada tahun-tahun 50-an keadaannya masih terkebelakang berbanding dengan bahasa Inggeris.

Di atas kesedaran bahawa martabat bahasa Melayu akan runtuh sama sekali sekiranya ia tidak diselamatkan daripada ditenggelami oleh bahasa-bahasa lain, maka para pejuang bahasa telah membentuk satu kesatuan bangsa Melayu yang memutuskan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Melalui gerakan nasionalisme menuntut kemerdekaan Tanah Melayu, mereka telah mengusulkan agar:-

- a) Bahasa bumiputera, iaitu bahasa Melayu mengambil alih bahasa penjajah.
- b) Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan,

iaitu sebagai lambang penyatuan dengan harapan bahawa bahasa itu dapat menjadi dasar satu identifikasi kebangsaan Tanah Melayu.

(Lihat Azizah Kasim, et al., 1987:116)

Akhirnya, cadangan-cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid (1956) yang merupakan suatu badan khas yang dilantik untuk menggubal draf perlembagaan Tanah Melayu dan suruhanjaya berkenaan telah bersetuju bahawa bahasa Melayu patut dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam tempoh 10 tahun selepas merdeka.

### **2.3 Perkembangan Bahasa Melayu Selepas Merdeka**

Setelah Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, yang antara lain menyebut;

#### **152. Bahasa Kebangsaan**

- (1) Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa

tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:....

(Perlembagaan Persekutuan, 1970:171)

Selepas Perlembagaan Persekutuan ini termaktub, terdapat beberapa akta tambahan yang diluluskan oleh Parlimen berhubung dengan Dasar Bahasa Kebangsaan seperti yang terkandung dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Akta Bahasa Kebangsaan (Tambahan No. 18) 1963 pula membuat tambahan dalam hal; maksud rasmi, terjemahan, perlanjutan dalam penggunaan bahasa Inggeris (termasuk undang-undang tertulis sebelum 1.9.1967), bahasa mahkamah, tulisan bahasa kebangsaan, bentuk angka dan borang. Akta tambahan ini bertujuan untuk melengkapkan peruntukan dalam perlembagaan (Abdullah Hassan, 1989b : 52).

Namun begitu, usaha pertama ke arah pelaksanaan sepenuhnya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hanya berlaku pada tahun 1967 iaitu selepas sepuluh tahun merdeka, setelah Akta Bahasa Kebangsaan 1967 diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 September 1967 bagi Semenanjung Malaysia. Akta tersebut kemudiannya

disemak dan disatukan dengan akta bahasa Kebangsaan 1963 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971 dengan nama Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Akta ini dengan jelas memperuntukkan bahawa, selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi, kecuali dalam beberapa kes tertentu seperti undang-undang yang sebelumnya ditulis dalam bahasa Inggeris, perhubungan dengan dunia luar dan sebagainya (Nik Safiah Karim, 1985:2)

Setelah bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan negara dan mengambil alih tugas-tugas bahasa Inggeris setelah 10 tahun merdeka, maka bahasa ini menjalani satu proses pengembangan supaya mampu memikul tanggungjawab baru. Badan yang bertanggungjawab mengembang dan memperjuangkan bahasa Melayu seterusnya ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah ditubuhkan sebagai satu jabatan dalam Kementerian Pelajaran pada tahun 1956.

Proses pengembangan sesuatu bahasa perlu melalui beberapa peringkat tertentu. Menurut Ferguson (1968), proses perkembangan sesuatu bahasa vernakular hingga menjadi bahasa kebangsaan dan seterusnya sebagai

bahasa rasmi perlu ditinjau menerusi peringkat-peringkat berikut;

- a) Penentuan ejaan (graphization)
- b) Penyeragaman (standardization)
- c) Pemodenan (modernization)

Dengan itu, sebagai sebuah badan perancang bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka ditugaskan meninjau persoalan-persoalan penyeragaman, pemodenan dan pembakuan bahasa Melayu. Apa yang dimaksudkan dengan penyeragaman dan pembakuan ialah peringkat pembentukan sesuatu variasi bahasa yang diterima umum sebagai bentuk terbaik yang dijadikan ukuran dan norma. Tahap pemodenan ini memperlihatkan kemampuan bahasa Melayu untuk berfungsi sebagai alat penyampai fikiran setanding dengan bahasa-bahasa lain yang telah mencapai pemodenan yang tinggi tarafnya. Pada peringkat ini, bahasa Melayu seharusnya mencapai keupayaan 'saling menterjemah' dengan bahasa-bahasa lain dalam memperkatakan berbagai-bagai perkara dalam berbagai-bagai wacana (Nik Safiah Karim, 1981:54).

Tumpuan seterusnya diberikan terhadap aspek penyeragaman dan pemodenan melalui kegiatan pembinaan

peringkat pengajian tinggi dan menjadi milik bersama seluruh rakyat Malaysia kini.

Dalam konteks sejarah bahasa yang berliku dan penuh cabaran ini, kita menemui beberapa pengajaran dan fakta penting tentang bahasa Melayu. Pertama; bahasa Melayu tidak akan bangkit menjadi bahasa yang megah dan tidak akan terungkap menjadi bahasa yang tinggi jika tidak kerana pengaruh Islam. Islamlah yang telah mengangkat taraf bahasa daripada hanya menjadi bahasa pinggiran kepada bahasa ilmu, yang membicarakan soal-soal yang tinggi dan ilmiah sifatnya. Kedua; Bahasa adalah jiwa bangsa. Hilang bahasa hilanglah bangsa. Bahasa memancarkan semangat sayangkan bangsa dan sayangkan negara. Untuk menjadi bangsa yang bermaruah, kita sewajarnya menunjukkan kecintaan terhadap bahasa Malaysia (Fatini Hj. Yaacob, 1987:9).

Kini, bahasa Melayu telah bangkit menjadi bahasa untuk semua kaum. Sistem pendidikan telah berjaya melahirkan generasi yang terdidik melalui pengantar bahasa Melayu di samping menjadi bahan pengajaran hingga ke peringkat tertinggi iaitu di institusi-institusi pengajian tinggi sejak tahun 1983.

## **2.5 Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan**

Tugas utama kerajaan Semenanjung Tanah Melayu selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 ialah menyatukan penduduknya yang berbagai-bagai kaum dan bahasa, terutama menerusi satu sistem pelajaran (pendidikan). Sebelum itu, sebuah Jawatankuasa Pelajaran telah dibentuk pada bulan September 1955. Tugas jawatankuasa ini ialah untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping mengekalkan bahasa dan budaya pelbagai masyarakat lain. Pelaksanaan dasar ini terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan (Laporan 1956) yang dikenali sebagai Laporan Razak (Abdullah Hassan, 1989b : 20). Walau bagaimanapun, laporan ini tidak banyak menyentuh mengenai pendidikan tinggi dan masih menganggap sistem Inggeris akan terus dilaksanakan dalam bidang pengajian tinggi.

Umumnya, pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan telah bermula sejak wujudnya sistem pendidikan, sama ada yang bersifat agama atau sekular. Pada awalnya ia dilaksanakan di peringkat rendah dan menengah sahaja di samping bahasa Inggeris, manakala pengantar dalam

bidang pendidikan tinggi pula dilaksanakan dalam bahasa Inggeris dan Mandarin. Pelajaran menengah dalam bahasa Melayu hanya bermula pada tahun 1957 dengan terdirinya sekolah Alam Shah (Abdullah Hassan, 1989b:118).

Seterusnya, pelaksanaan dasar ini semakin pesat selepas 1970, yang mencakupi sekolah jenis kebangsaan (Inggeris) bermula dari peringkat rendah dan menengah dan seterusnya ke peringkat universiti (ibid : 118). Pengajian tinggi dalam bahasa Melayu sepenuhnya telah dimulakan dalam tahun 1970 setelah tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selepas itu, pengajaran melalui bahasa Melayu di peringkat rendah dan menengah menjadi kenyataan dan dalam masa yang sama sekolah-sekolah kebangsaan telah menjadi lebih kukuh. Di samping itu, pendidikan tinggi dalam bahasa Melayu juga turut berkembang. Ini terbukti melalui penubuhan beberapa buah universiti yang menjalankan pengajian dalam bahasa Melayu seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (1970), Universiti Pertanian Malaysia (1972), Universiti Teknologi Malaysia (1974), Universiti Utara Malaysia (1984) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) (1993). Dalam

pada itu juga, Universiti Malaya (1957) dan Universiti Sains Malaysia (1969) pula telah menukar bahasa pengantaranya daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat. Bidang pengajian yang diajar dalam bahasa Melayu bukan sahaja meliputi bidang-bidang sains sosial dan kemanusiaan, tetapi termasuk juga bidang-bidang sains jati dan teknologi (Abdullah Hassan, 1989a:24). Seterusnya, fasa-fasa pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar itu telah selesai sampai ke peringkat universiti pada tahun 1983 apabila semua kursus tahun satu di universiti dijalankan dalam bahasa Melayu (Bahasa Malaysia).

Namun demikian, pelaksanaan pengajaran di peringkat menengah dan tinggi dalam bahasa Melayu pada peringkat awalnya, sekalipun berjalan dengan lancar, masih menimbulkan keraguan dan kesangsian di kalangan sebilangan rakyat Malaysia terutama kaum-kaum bukan Melayu dan tidak kurang juga golongan elit Melayu yang menerima pendidikan dalam bahasa Inggeris terutama di luar negeri. Imej bahasa Melayu dianggap masih rendah dan orang bukan Melayu masih sukar memberikan pengiktirafan. Di samping itu, peralihan aliran bagi sekolah Inggeris kepada sekolah aliran Melayu juga

dirasakan mempunyai beberapa masalah. Masalah utama ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar buat pertama kali telah menimbulkan kesukaran terutama melibatkan kefasihan guru-guru yang mengajar dalam bahasa Melayu dan juga kekurangan buku teks dalam bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 1989a:21).

Atas faktor kelemahan berkenaanlah maka kursus-kursus kecekapan untuk meningkatkan kemahiran dan kefasihan dalam pengajaran bahasa Melayu telah dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi seperti maktab-maktab perguruan dan universiti, di samping penubuhan pusat-pusat pengajian dan pengajaran bahasa di beberapa institusi pengajian tinggi seperti Pusat Bahasa di Universiti Malaya (1972) dan sebagainya, adalah bagi tujuan menampung keperluan-keperluan kemahiran tersebut.

#### **2.6. Bahasa Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi**

Malaysia telah mengambil masa selama sepuluh tahun sebelum membuat pernyataan tegas dalam membentuk dasar bahasanya dalam sistem pendidikan negara. Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1961 yang bersifat liberal terhadap bahasa pengantar menjadi

lebih tegas lagi dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan tujuan dasarnya untuk menjayakan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam bidang pengajaran dalam tahun 80-an. Dasar ini telah pun dilaksanakan dengan beransur-ansur mulai tahun 1970 sehingga pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 1983.

Sekalipun pengajaran telah dilaksanakan dalam bahasa Melayu pada awal tahun 1980-an, namun ia tidak bermakna segala-galanya telah berhasil dan berjaya. Tugas melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan masih belum selesai dan adalah menjadi tanggungjawab pihak-pihak tertentu untuk menyempurnakan pelaksanaan dasar tersebut dari peringkat pendidikan rendah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Di peringkat pengajian tinggi, khususnya di universiti-universiti tempatan, penggunaan bahasa Melayu dapat dilihat dari dua aspek, iaitu aspek pengajaran dan aspek pentadbiran (Abdullah Hassan, 1989b : 69). Dari aspek pengajaran, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dan juga diajar sebagai satu mata pelajaran atau kursus unit yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar. Dari aspek pentadbiran pula bahasa Melayu digunakan sepenuhnya untuk tujuan pengurusan dan

pentadbiran, komunikasi dan perhubungan, mesyuarat, surat-menyurat dan sebagainya.

Abdullah Hassan (1983) dalam satu kertas kerja yang pernah dibentangkan dalam seminar bahasa di Universiti Sains Malaysia menjelaskan mengenai kedudukan bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran yang diajar di institusi pengajian tinggi. Pada peringkat awal, menurut Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia 1981 (perenggan 269) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bahasa Melayu tidak diajar sebagai satu kursus. Walau bagaimanapun, kursus bimbingan jangka pendek ada ditawarkan dari semasa ke semasa untuk pelajar dan pensyarah yang memerlukannya. Namun begitu, kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya dalam bidang pengajian sastera dan perubatan boleh dianggap sebagai sudah mantap. Walaupun begitu, masalah tetap wujud iaitu selain daripada masalah kekurangan buku teks, masalah lain yang tidak kurang pentingnya ialah soal mempertingkatkan kedudukan bahasa Melayu ke taraf yang lebih tinggi sebagai bahasa ilmiah serta juga soal kecekapan dan keupayaan berbahasa yang lebih tinggi

dan lebih baik di kalangan pelajar dan juga tenaga pengajarnya.

Di Universiti Sains Malaysia (USM), bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar dan ia meliputi aspek-aspek kefasihan dan peristilahan. Kursus yang ditawarkan adalah wajib untuk semua pelajar dan kelulusan bagi tiap-tiap peringkat adalah wajib untuk syarat penganugerahan ijazah (*ibid* : 74).

Demikian juga di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), bahasa Melayu diajar sebagai satu kursus wajib dan dijadikan syarat untuk penganugerahan ijazah dan diploma. Kursus ini juga meliputi aspek-aspek kefasihan dan peristilahan (*ibid* : 75).

Dalam konteks penggunaan bahasa Melayu di Institut Teknologi Mara (ITM) pula, bahasa Melayu telah digunakan hampir sepenuhnya sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran semenjak kursus Sains Kesetiausahaan dimulakan dan berjaya melahirkan graduan yang pertamanya pada tahun 1969, kemudian graduan kursus Diploma Pentadbiran Awam berikutnya pada tahun 1977 (*Abdullah Hassan, 1989b : 77*).

Terdapat dua aspek pengajaran bahasa Melayu yang telah dilaksanakan di Institut Teknologi Mara. Pertama; bahasa Melayu diajar sebagai satu mata pelajaran; dan kedua, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Matlamat utama bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran ialah untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar dan kakitangan. Usaha menyampaikan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran dikendalikan oleh Unit Pengajian Bahasanya sendiri di Pusat Bahasa, Institut Teknologi Mara (ITM). Terdapat beberapa kursus di ITM yang memerlukan penekanan penguasaan kecekapan bahasa Melayu, antaranya kursus Kajian Sains Gunaan, Kajian Sains Kesetiausaha, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka serta Kajian Sebaran Am. Setiap kursus yang dikelolakan itu mempunyai pendekatan yang tersendiri dan memenuhi keperluan bidang masing-masing (ibid : 77).

Institut Teknologi Mara (ITM) juga telah mengambil inisiatif mengadakan kursus-kursus bahasa Melayu bagi kakitangan akademik dalam peringkat permulaan, pertengahan dan kemahiran. Bagi pensyarah-pensyarah yang telah berjaya dalam peringkat kemahiran

akan berkeupayaan dan mempunyai kecekapan berbahasa untuk menjalankan kuliah dan seminar dalam bahasa Melayu. Manakala bagi kakitangan bukan akademik telah diberikan kursus-kursus khas bahasa Melayu dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan bahasa Melayu.

Menurut Abdullah Hassan (1989b :71), dasar dan pelaksanaan bahasa Melayu di Universiti Malaya pula dapat dilihat dari aspek-aspek berikut:

- a) Pengajaran bahasa sebagai satu mata pelajaran dalam tahun-tahun pengajian di fakulti-fakulti;
- b) Penggunaan bahasa sebagai alat pengantar pelajaran dan pengajaran dalam kursus-kursus akademik; dan
- c) Penggunaan bahasa sebagai alat bantu terutama dalam pentadbiran dan perhubungan.

Ketiga-tiga aspek ini meliputi semua fakulti dan pusat pengajian yang terdapat di Universiti Malaya. Setiap fakulti atau pusat mempunyai dasar dan rangka

pelaksanaan yang berbeza-beza. Justeru, pada umumnya universiti sudah menerima matlamat bahawa pasti akan berlaku penggunaan menyeluruh bahasa Melayu pada semua peringkat dan dalam semua institusi pengajian. Matlamat ini akan dicapai secara beransur-ansur sama ada secara pengajaran sebagai satu mata pelajaran (kursus unit), kursus kecekapan, penggunaan bahasa sebagai pengantar bagi tiap-tiap tahun pengajian mahupun pada jenis-jenis kursus yang ditawarkan. Oleh sebab itu, corak penggunaan dan matlamat pengajaran serta kepentingan berbeza antara fakulti (ibid : 71).

Noor Ein (1985) telah membangkitkan persoalan bahawa berdasarkan pengalaman tenaga pengajar yang mengendalikan kursus bahasa Malaysia, masih terdapat pelajar-pelajar yang lemah dari segi penyampaian idea dan fikiran, tatabahasa dan pertuturan. Sehubungan dengan ini, beliau mempersoalkan tentang institusi-institusi pengajian tinggi yang meletakkan kelulusan atau kepujian bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai sudah memadai untuk menjadi syarat kemasukan dan syarat penganugerahan ijazah. Malah sebahagian pelajar dirampas peluang untuk meningkatkan kebolehan berbahasa apabila

dikecualikan daripada mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu yang ditawarkan.

Pelajar-pelajar yang keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi seharusnya pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga boleh menyampaikan pengetahuan mereka dengan berkesan kepada orang lain khususnya orang awam. Alat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan sudah tentulah bahasa dan bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu.

Justeru, antara lain matlamat pengajaran kursus bahasa di peringkat institusi pengajian tinggi hendaklah berupa kursus bertujuan khas. Di peringkat ini, kursus bahasa Melayu tidak seharusnya meliputi latihan tatabahasa semata-mata. Bidang ini sememangnya sudah diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Di peringkat pengajian tinggi, pelajar-pelajar hendaklah didedahkan kepada berbagai ragam dan retorik bahasa akademik seperti bidang sastera, sejarah, ekonomi, sains dan teknologi, komputer, sebaran am dan sebagainya lagi. Mereka juga perlu diajar dan ditekankan kepada pelbagai kaedah dan pendekatan yang lebih berkesan dan praktikal, mencari, meneliti dan mengumpul maklumat, mengolah, menerapkan serta

menyampaikannya dengan baik. Ini akan membolehkan pelajar memperkayakan bahasa mereka dan berkeupayaan menjadi serba boleh dan serba cekap dalam penggunaan bahasa mahupun juga menggunakannya sebagai bahasa perantaraan.

Ditinjau dari segi sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi, Abdul Aziz Sharif (1985) pernah mengemukakan beberapa faktor yang mempengaruhi sikap pelajar, khususnya yang mengurangkan motivasi mereka. Beliau telah mengetengahkan hasil kajian yang menunjukkan bahawa setakat ini kursus bahasa Melayu yang diajar di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia umumnya hanya merupakan kesinambungan atau lanjutan daripada pendekatan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pernah dipelajari oleh pelajar-pelajar sewaktu berada di peringkat sekolah menengah. Rata-rata pengajaran bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi masih mementingkan pengetahuan aspek tatabahasa yang betul. Akibatnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dianggap oleh para pelajar sebagai suatu yang menjemuhan dan membuang masa sahaja.

Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan supaya pelajar-pelajar diajar cara menggunakan bahasa untuk bidang pengkhususan mereka. Dengan kata lain, matlamat pengajaran dan pembelajaran kepada mereka sepatutnya untuk membolehkan mereka menjadikan bahasa Melayu sebagai alat untuk mencapai hasrat dan cita-cita mereka dalam bidang pengkhususan yang mereka ikuti. Beliau seterusnya menegaskan supaya dipastikan bahawa corak kursus bahasa Melayu yang hendak disampaikan kepada pelajar mestilah berlainan daripada apa yang diajar di sekolah rendah dan menengah iaitu mempunyai kelainan dari segi aspek-aspek objektif, matlamat, kandungan, kaedah serta pendekatan pengajaran.

Beliau seterusnya mencadangkan supaya di peringkat pengajian tinggi, pengajaran dan pembelajaran bahasa semestinya menuju ke arah penggunaan bahasa secara efektif dalam bidang pengkhususan pelajar. Oleh itu, setiap komponen pengajaran bahasa Melayu yang hendak disampaikan sama ada lisan, kefahaman mahupun penulisan mestilah menuju ke arah matlamat tersebut. Ini bererti bahan-bahan yang hendak digunakan mestilah sebahagian besarnya disesuaikan dengan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pelajar dan bakinya

dari pada bahan-bahan mengenai perkara-perkara ehwal semasa.

#### **2.7. Metode Pengajaran Bahasa Melayu Di Institut Pengajian Tinggi**

Metode dalam konteks kajian ini mencakupi pendekatan dan kaedah dalam pendidikan dan pengajaran bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi. Pendekatan adalah berdasarkan teori pendidikan yang biasanya melahirkan penyataan mengenai strategi pembelajaran murid atau pelajar. Kaedah pula adalah strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas atau bilik kuliah. Oleh itu, metode pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi yang mencakupi pendekatan dan kaedah ini mungkin dapat dilihat sebagai satu proses perkembangan strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan peringkat teori-teori pengajaran dan peringkat strategi amalan dalam kelas.

Asmah Hj. Omar dalam ucapannya semasa pembukaan Seminar Pengajaran Bahasa Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi, anjuran Pusat Bahasa, Universiti Malaya pada 3 dan 4 Mac 1978, pernah menyentuh

mengenai peninjauan semula terhadap pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi pada masa itu. Antara lain beliau berpendapat, pengajaran bahasa boleh merupakan tugas yang membosankan dan sebaliknya juga yang menyeronokkan, bergantung kepada kaedah pendedahannya dan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran itu. Ketiadaan perubahan pembaikan dalam kaedah-kaedah dan penggunaan bahan-bahan yang tidak menarik minat pelajar bahasa, akan mewujudkan usaha-usaha pengajaran bahasa yang sia-sia sahaja (1978:4).

Berhubung dengan perubahan dalam kaedah pengajaran bahasa, beliau menjelaskan, sewajarnyalah diadakan penelitian dari semasa ke semasa mengenai pendekatan dalam menyampaikan bahan pengajaran demi menjauhkan kebosanan (*ibid* : 4).

Dilihat dari sudut sejarah latar belakang pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi, tegasnya di universiti, ia sudah pun melalui berbagai matlamat sesuai dengan suasana politik negara dan dasar-dasar pelajaran semasa. Malahan tidak dapat dinafikan bahawa dasar pelajaran sejak terlaksananya syor-syor Laporan Razak 1956 telah memainkan peranan utama dalam menentukan arah dan perkembangan

pengajaran bahasa Melayu baik secara mendatar (horizontal) maupun secara menegak (vertikal). Dari segi perkembangan mendatarnya, pengajaran bahasa Melayu berkembang luas ke segenap pelosok negara, melangkaui setiap golongan etnik pemastautin negara ini, manakala perkembangan menegaknya memperlihatkan bahasa Melayu memperolehi peluang untuk bertapak pada peringkat pengajian menengah dan tinggi (Asmah Hj. Omar, ibid : 1).

Kita sedia maklum juga bahawa dalam tahun-tahun 1957 hingga 1970, pengajaran bahasa Melayu di universiti-universiti mempunyai matlamat membolehkan pelajar menggunakan bahasa tersebut untuk keperluan seharian seperti semasa di pasar, di jalan raya, di pejabat dan sebagainya; atau dalam menulis surat-surat rasmi untuk memohon pekerjaan dan seumpamanya.

Dengan hal yang demikian, pengajaran bahasa Melayu di universiti-universiti pada masa itu (yakni Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia) lebih tertumpu kepada pengajaran bahasa untuk penutur-penutur bukan Melayu. Oleh kerana matlamat pengajaran bahasa yang berkenaan itu adalah untuk menimbulkan perhubungan sosial sahaja, maka penuntut dan penutur

Melayu di institusi pengajian tinggi dianggap tidak memerlukan kursus bahasa Melayu kerana mereka dijangkakan sudah pun mempunyai kecekapan bahasa. Sehingga sekarang ini sikap dan tanggapan sedemikian mengenai kecekapan berbahasa Melayu di kalangan penutur-penutur Melayu khasnya dan masyarakat Malaysia amnya masih lagi ketara, sekalipun bahasa Melayu telah jauh berkembang dan bertambah fungsinya, iaitu dari fungsi komunikasi biasa dan bahasa pengantar bagi mata pelajaran sastera dan kemanusiaan sehinggalah seperti yang wujud sekarang ini yakni sebagai fungsi komunikasi massa, bahasa ilmu pengetahuan, wahana akademik dan intelek, hal-hal yang berkaitan bidang saintifik, teknologi, komputer, ekonomi, perundangan, pentadbiran dan sebagainya.

## **2.8. Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran**

### **Bahasa Melayu Untuk Tujuan Khas**

Sekitar tahun-tahun 60-an dan 70-an, pengajaran bahasa lebih banyak menumpukan perhatian kepada isi kandungan bahasa bagi mencapai tujuan-tujuan politik dan sosial tertentu. Dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris umpamanya, perkembangan ini sangat jelas dalam pengajaran dan pembelajaran untuk tujuan-tujuan

khas atau disebut ESP (English for Specific Purpose). Namun begitu, prinsip dan amalan dalam ESP itu juga dianggap sesuai diterapkan untuk pengajaran sebarang bahasa lain khususnya bahasa Melayu bagi tujuan khas dalam pelbagai bidang umpamanya ekonomi, undang-undang, sains, komunikasi massa, teknologi dan lain-lain.

Dalam konteks pengajaran bahasa untuk tujuan-tujuan khas ini, menurut Mackey (1979 : 10), matlamat utama pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan khas biasanya dirujuk kepada keperluan-keperluan dalam bidang kerjaya atau pekerjaan;

This purpose is usually defined with reference to some occupational requirement, e.g., for international telephone operators, civil airline pilot, etc., or vocational training programmes, e.g. for hotel and catering staff, technical trades, etc., or some academic or professional study, e.g. engineering, medicine, law, etc.

Dengan kata lain, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris untuk tujuan khas merupakan satu cara

khusus pengajaran bahasa kepada kumpulan pelajar tertentu. Oleh itu, ia menentukan pengkhususan dalam kaedah pengajaran, bahan-bahan pengajaran dan aktiviti-aktiviti bilik darjah bagi mencapai matlamat pembelajaran.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi di negara ini, terdapat banyak bidang pengkhususan yang memerlukan penggunaan bahasa dan istilah yang tersendiri di samping keperluan-keperluan komunikasi dan wacana yang khusus, umpamanya dalam bidang ekonomi, perubatan, pentadbiran, perundangan, sebaran am, sastera dan bidang profesional yang lain. Oleh itu, sukatan pelajaran yang khusus adalah diperlukan untuk setiap bidang pengkhususan berkenaan. Justeru, Pusat Bahasa sebagai badan yang mengaplikasikan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran sewajarnya mampu merancang program tersebut dengan berkesan.